

05 FEB 2002

SC-ALI/I

MENTERI KEWANGAN LANJUT TEMPOH Pengerusi SC SELAMA DUA TAHUN

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melanjutkan tempoh perkhidmatan Datuk Ali Datuk Ali Abdul Kadir sebagai Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Ahli Suruhanjaya selama dua tahun lagi.

Dalam satu pengumuman di sini hari ini, SC berkata Ali akan memulakan tempoh perkhidmatan keduanya pada 1 Mac, 2002. Tempoh perkhidmatan pertama beliau bermula pada 1 Mac, 1999.

"Saya amat berbesar hati, dan dengan tenaga kerja yang kuat di Suruhanjaya, akan terus berusaha ke arah menjadikan pasaran modal Malaysia lebih berdaya maju.

"Saya juga berharap mendapat sokongan peserta pasaran dalam meneruskan pencapaian tahap profesionalisme mereka yang lebih tinggi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pasaran modal utama," kata Ali.

Suruhanjaya Sekuriti telah mencapai beberapa kejayaan penting di bawah pimpinan Ali. Antaranya ialah pelancaran Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) pada Februari 2001.

CMP merupakan satu pelan strategik 10 tahun untuk memastikan pasaran modal Malaysia berkedudukan kukuh dalam menyokong keperluan dan aspirasi perkembangan ekonomi negara.

CMP terbentuk daripada beberapa teras yang merupakan langkah-langkah untuk menghadapi persaingan serantau dan peningkatan globalisasi, serta mempergunakan peluang tambahan dalam bidang-bidang yang mempunyai kelebihan komparatif dan berdaya saing.

"CMP telah menyediakan kejelasan strategi yang diharapkan oleh industri dan saya gembira mengatakan bahawa kita telahpun melaksanakan atau mula melaksanakan langkah-langkah dalam beberapa bidang penting. Hakikatnya, beberapa langkah yang diberikan keutamaan telah dilaksanakan sebelum pelancaran CMP," kata Ali.

Ini termasuklah langkah-langkah untuk meningkatkan lagi kecekapan proses penjanaaan dana dan meluaskan bidang peluang pelaburan.

Syarikat-syarikat Malaysia juga digalakkan membentuk nilai jangka panjang bagi pelabur-pelabur mereka.

Ali, terutamanya telah menekankan keperluan bagi penzahiran dan ketelusan yang lebih baik serta kebertanggungjawaban korporat yang lebih tinggi kepada pihak pelabur awam.

Untuk tujuan ini, beliau ingin terus berusaha untuk meningkatkan pengiktirafan nilai pemegang saham di antara syarikat dan aktivisme pemegang saham di kalangan pelabur sejajar dengan cadangan-cadangan CMP.

"Tambahan pula, struktur hasil khidmat perantara pasaran sedang dikaji untuk menjadikannya lebih cekap daripada segi kos. Struktur-struktur pasaran juga sedang dikaji, dengan usaha kini ditumpukan kepada penggabungan institusi dan perantara pasaran," kata Ali.

Untuk terus maju ke hadapan, beliau berkata bahawa cabaran yang dihadapi oleh pasaran modal adalah untuk meningkatkan peranannya dalam melicinkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Untuk menjayakannya, ia mesti menyediakan syarikat-syarikat Malaysia dengan platform yang berdaya maju bagi penjanaaan modal, dan menyediakan pelabur dengan sumber yang berdaya maju bagi mengumpul dan melabur simpanan mereka.

Ini boleh dicapai melalui wawasan dan objektif CMP.

Dalam melaksanakan kerjayanya untuk tempoh dua tahun yang seterusnya,

Ali telah memberikan kepastian bahawa SC akan terus bersikap tegas dan pada masa yang sama mengadakan perundingan dalam pendekatan pengawalseliaannya.

Ia juga akan terus memudahkan cara persaingan dan pembaharuan yang lebih tinggi supaya pasaran modal boleh mengambil kesempatan daripada kekuatan utama Malaysia dengan jayanya.

Selain daripada itu, beliau akan terus mengekalkan penyertaan aktif SC di peringkat antarabangsa bagi memastikan pandangan Malaysia sentiasa dipertimbangkan dengan teliti oleh masyarakat pengawalseliaan dan kewangan antarabangsa.

Ali kini merupakan pengerusi Jawatankuasa Serantau Asia Pasifik (APRC) Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO).

Beliau juga merupakan ahli jawatankuasa pelbagai pertubuhan dalam dan luar negara. Beliau juga pengerusi Majlis Penasihat Pasaran Modal dan ahli Jawatankuasa Pelaburan Asing, Jawatankuasa Selia Danaharta, Yayasan Pelaburan Kewangan dan anggota Kumpulan Kerja Sistem Perbankan dan Kewangan Islam serta Ekonomi dan Daya Saingan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN II).

Beliau juga menganggotai Jawatankuasa Kewangan bagi Tadbir Urus Korporat dan ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Pesisir Luar Labuan. --
BERNAMA

LSE SHY AA